

Warga Malaysia **minta** keluarga **usah** bimbang

BH 26 MAY 2000

JOLO, Khamis – Sembilan rakyat Malaysia yang ditahan sekumpulan penculik dan kini berada di Patikul, kira-kira 40 kilometer dari sini, hari ini, meminta kaum keluarga mereka agar tidak bimbang dengan keadaan mereka.

Mereka juga berharap rundingan bagi membebaskan mereka akan mencapai kejayaan, bagi membolehkan mereka pulang secepat mungkin.

Mereka juga turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana sudah menghantar bekalan ubat-ubatan dan makanan untuk kegunaan mereka.

Berikut ialah kenyataan ringkas sebahagian daripada mereka kepada wartawan Bernama yang menemui mereka pada kira-kira jam 2.30 petang di kawasan tempat mereka ditahan.

Hargai keprihatinan Dr Mahathir terhadap nasib mereka .

Abdul Jawan Sulawat – “Saya harap Kerajaan Malaysia dapat berunding supaya kami dapat keluar dari Jolo.

“Kepada isteri saya di Semporna, jangan bimbang. Insya-Allah kalau umur panjang, kita akan berjumpa lagi,” katanya.

Zulkarnain Hashim – “Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada kamu semua kerana melawat kami di Jolo dan kepada Kerajaan Malaysia yang memberi bekalan kepada kami.

“Kami berharap Kerajaan Malaysia dapat bertindak untuk menyelesaikan masalah kami. Pada keluarga saya di Tawau, saya harap kamu semua jangan bimbang,” katanya.

Francis Masungkim – “Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kerana cuba menyelesaikan masalah kami di sini. Kepada keluarga di Tawau, harap dapat bertenang dan sabar menghadapi dugaan ini,” katanya.

Balachandran Nair – “Kepada isteri saya di Putatan, Sabah, jangan bimbang saya selamat di sini dan dalam keadaan yang sihat. Saya harap jaga anak-anak di rumah,” katanya.

Tawanan lain ialah Ken Fong Yin Ken, Kua Yu Loong, Vincent Kwong, Basilius Jim dan Lee Hock Leong.

Sementara itu di Manila.

ketua perunding kerajaan. Roberto Aventajado berkata, beliau sudah bertemu Duta Malaysia, Arshad Hussein, mengenai tuntutan penculik bagi pembentukan sebuah suruhanjaya untuk menyanggah tuduhan layanan buruk ‘pendatang tanpa izin Islam Filipina di Sabah.

“Saya sudah berbincang dengannya mengenai perkara yang mungkin ditimbulkan dalam rundingan itu nanti agar saya mempunyai gambaran lebih baik bagaimana hendak menangani tuntutan mereka,” katanya kepada wartawan.

Beliau turut berkata yang kerajaan menaruh harapan tinggi bagi pembebasan segera 21 tebusan, termasuk sembilan rakyat Malaysia, ketika mereka bersiap sedia untuk menyambung semula rundingan dengan kumpulan itu, esok. – Bernama